

Jangan beri perhatian pada surat2 layang - PM

UM 29 MAR 1985

TANAH MERAH 28
Mac - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat supaya jangan memberi perhatian kepada surat-surat layang yang sengaja mahu membangkitkan perasaan benci antara kaum di negara ini.

Perdana Menteri berkata perbuatan itu dilakukan semata-mata kerana ada pihak yang tidak senang

dengan kestabilan kerajaan campuran Barisan Nasional sekarang.

Bercakap kepada para pemberita selepas merasmikan bangunan UMNO bahagian Tanah Merah di sini hari ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata sekiranya perbuatan seumpama boleh menimbulkan implikasi yang buruk, kerajaan akan menghadapinya dengan serius.

Mengulas beberapa peristiwa pengedaran surat-surat layang di kalangan rakyat Malaysia di seberang laut, beliau mengakui bahawa perkara tersebut memang berlaku tetapi bukan pada tahap yang memerlukan perhatian khusus.

Terdahulu dari itu ketika berucap merasmikan bangunan UMNO bahagian Tanah Merah, Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan ba-

hawa perpaduan orang-orang Melayu mula menjadi terancam apabila PAS menggunakan pelbagai helah di sebalik agama untuk perjuangan mereka.

Katanya, PAS terutamanya pemimpin-pemimpin mereka, menggunakan agama untuk mendapat sokongan rakyat dengan "mencucuk jarum di sana sini".